

TARIKH	28 / 9 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	25	RUANGAN	01m Negeri

Jemaah haji Malaysia mula tiba di Mekah

MEKAH 27 Sept. - Kumpulan pertama seramai 312 jemaah haji Malaysia selamat tiba di kota suci Mekah dari Madinah awal hari ini.

Mereka tiba kira-kira pukul 1 pagi Rabu (7 pagi waktu Malaysia) di Hotel Janadiriyyah yang merupakan satu daripada 15 hotel di sini yang disewa oleh Tabung Haji bagi menempatkan hampir 28,000 jemaah haji Malaysia sepanjang musim haji kali ini.

Menurut Ketua Rombongan Haji Malaysia, Datuk Syed Saleh Syed Abdul Rahman, kumpulan pertama itu bertolak dari Madinah dengan bas pada pukul 5 petang Selasa (11 malam waktu Malaysia) dan selamat tiba di Mekah selepas mengharungi perjalanan selama lapan jam.

Beliau berkata, selepas berehat dan sarapan pagi, jemaah haji yang berpakaian ihram kemudian berjalan beramai-ramai menuju ke Masjidil Haram yang terletak kira-kira 1 kilometer dari tempat penginapan mereka dengan diketuai oleh seorang mutawif atau pembimbing serta petugas Tabung Haji bagi melaksanakan ibadah umrah.

Syed Saleh berkata, berbeza dari tahun sebelumnya, bagasi milik jemaah haji tiba sehari lebih awal di Mekah dan dimasukkan

ke dalam bilik jemaah haji seperti yang ditetapkan.

"Ini membolehkan jemaah fokus kepada soal ibadah sebaik sahaja mereka menjejakan kaki ke Tanah Suci Mekah," katanya kepada wartawan Malaysia di Hotel

Janadiriyyah yang juga dijadikan pusat pentadbiran Tabung Haji ketika musim Haji.

Syed Saleh berkata, buat masa sekarang keadaan dalam Masjidil Haram masih belum sesak dan jemaah haji Malaysia dapat melaksanakan ibadah umrah seperti tawaf dan saie dengan selesa.

Beliau berkata, ekoran cuaca panas di Mekah yang mencecah hampir 30 darjah celsius, maka jemaah haji diminta supaya tidak terlalu lama terdedah dalam panas cahaya matahari.

Katanya, seramai 350 petugas haji berada di Mekah dan jumlah itu akan bertambah sehingga 600 orang apabila tiba musim haji nanti. - BERNAMA

**DARI
TANAH SUCI**

